

**LATIHAN INDUSTRI BERPAKSIKAN VOKASIONAL PENJAGAAN WARGA EMAS  
DALAM KURSUS KERJA SOSIAL GERONTOLOGI, FSSK, UKM**

INDUSTRIAL TRAINING FOCUSED ON VOCATIONAL SENIOR CITIZEN CARE IN GERONTOLOGY  
SOCIAL WORK COURSE, FSSK, UKM

**Khadijah Alavi**

**Nur Hanis Hazlan**

**Norsyafiqah Fauze**

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Abstrak**

Pertambahan penduduk warga emas meningkat dengan mendadak di Malaysia, dijangka mencapai masyarakat menua (aging society) mulai tahun 2018 dan menjadi negara tua (aged nation) pada tahun 2035 dimana 15% penduduk berumur 60 tahun ke atas. Malaysia masih ketinggalan daripada aspek penyediaan penyampaian perkhidmatan bagi menghadapi negara tua. Sehubungan dengan itu, bagi mencapai pendaulat amanah negara, UKM mengorak langkah berkongsi inovasi dan amalan terbaik kursus gerontologi kerja sosial untuk menyediakan penyampaian perkhidmatan berkualiti dalam penjagaan warga emas. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka pengaplikasian latihan vokasional penjagaan warga emas dalam kursus gerontologi kerja sosial di UKM. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan kepada yang terlibat hanya Sembilan orang sahaja responden yang telah dipilih berpandukan persampelan bertujuan. Lokasi kajian yang dipilih ialah Rumah Ehsan Kuala Kubu Bahru, Selangor. Data dianalisis secara verbatim daripada transkrip yang dibina melalui temubual mendalam dengan responden. Hasil kajian dapat diaplิกasikan kepada dua bahagian iaitu, i) kesan kepada pelajar yang mengikuti latihan vokasional penjagaan warga emas di UKM dan ii) kesan kepada syarikat yang menerima pelajar UKM sebagai perantis dalam memberi perkhidmatan penjagaan warga emas. Kursus ini menyediakan golongan muda dengan pengetahuan, teori, praktis dan kemahiran insaniah dalam pengaplikasian penjagaan warga emas secara sistematis. Pelajar boleh menggunakan pengalaman dan pengetahuan ini dalam keluarga, komuniti dan pekerjaan bagi membantu warga emas sakit terlantar dan kurang upaya. Kajian ini mencadangkan, kursus ini dijadikan satu daripada kursus citra UKM yang boleh memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 3 sebagai nilai tambah dan penglibatan

pelajar lebih meluas merentasi bidang dan fakulti. Penglibatan UKM-KARIER mampu menjembatani pelajar dan industri bagi padanan kerjaya dan jaringan industri dengan lebih efektif.

*Kata kunci:* Kerja sosial, gerontologi, latihan vokasional, penjagaan, warga emas,

### **Abstract**

*A dramatic increment in population of senior citizens had caused Malaysia to be expected to reach an aging society starting year 2018 and become an aged nation in 2035 in which 15% of the citizens aged 60 and above. However, Malaysia is still lagging behind in the aspect of providing service delivery for the elderly. Thus, taking the role as the guardian of the nation, UKM is stepping up in sharing its innovation and best practices of gerontology social work courses in providing quality senior citizen care service delivery. This study aimed to explore the application of vocational training of senior citizens' care in a gerontology social work course at UKM. This study used a qualitative approach which involved nine respondents from Rumah Ehsan Kuala Kubu Bahru who had been selected via purposeful sampling. Data collected through in-depth interview with respondents were analyzed via verbatim from the constructed transcripts. The results were then divided into two parts which are: i) impact on students attending vocational training of senior citizens in UKM and ii) impact on companies receiving UKM students as apprentices in providing senior care services. This course provides youth with the knowledge, theory, practical and soft skills needed in systematically caring for senior citizen. This experience and knowledge can be extended in families, communities as well as in career in caring elderly people with disabilities. This study suggested that this course can be included in the list of the UKM Citra courses that allow Level 3 Certificate of Malaysia (SKM) obtainment as a value-added and wider student engagement across fields and faculties. Engagement of UKM-KARIER serves as an effective bridging between students and industry players for career and industry linkages matching.*

*Key words:* Gerontology, Senior citizen care, Social work, Vocational training

### **1. PENGENALAN**

Latihan vokasional ialah kemahiran penyelesaian masalah melalui kerja tangan (hands-on) sebanyak 70% di industri (Rumah Ehsan) dan teori gerontologi 30% di pusat latihan (UKM). Pengalaman latihan industri berpaksikan vokasional merupakan pengalaman pendidikan terancang secara berkredit bagi memenuhi keperluan komuniti-industri, mampu meningkatkan

penghayatan disiplin gerontologi dengan lebih mendalam dan mereflesikan tanggungjawab sivik (Shanti, 2012) khususnya dalam kalangan pelajar kerja sosial UKM. Program ini direkabentuk berteraskan bimbingan pengajar di kursus gerontologi, Fakulti Sains Sosial (FSSK) dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan coach di syarikat (Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu, Selangor) bagi meningkatkan daya usaha perantis (pelajar gerontologi UKM) dalam bidang penjagaan warga emas. Kursus ini adalah pertama di Malaysia di mana kerjasama antara UKM dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. Dalam konteks Malaysia, hampir semua IPTA mempunyai kursus gerontologi tetapi keunikan di UKM ialah kombinasi kompetensi kerja sosial dan latihan industri dalam pengajaran dan pembelajaran gerontologi. Teknik pengalaman pembelajaran bermakna secara imersif di mana profesi kerja sosial mengambil berat tentang pengetahuan dan praktis (*knowing by doing*) dalam kemahiran menolong. Pelajar harus di dedahkan kepada penyelesaian masalah melalui kerja tangan dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada warga emas terutamanya di institusi penjagaan (Nur Hanis, 2018).

Cabarani profesi kerja sosial seiring dengan peningkatan jangkahayat warga emas diperingkat lokal dan global. Permintaan pekerja sosial dalam penjagaan warga emas terus meningkat dengan drastik dalam satu dekad mendatang kerana Malaysia akan menjadi negara tua pada tahun 2035 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015). Persediaan menghadapi tsunami kepadatan warga emas ini perlu dipersiapkan dengan kecekapan gerontologi dalam kalangan pekerja sosial bagi menyantuni klien warga emas daripada pelbagai aspek kesihatan, pemakanan, psiko-sosial dan sebagainya (Anita et al. 2003; Scharlach et al., 2000). Walaubagaimanapun, permintaan pekerja sosial dalam bidang gerontologi merupakan keperluan kritikal kerana kekurangan pekerja sosial dan komitmen untuk bekerja untuk warga emas amat kurang di negara kita. Archbold et al. (1995); Silver et al. (2004) mendapati bahawa kebanyakan kajian lepas lebih mefokuskan kepada pengetahuan, kemahiran dan tugas penjagaan warga emas dalam keluarga tetapi amat kurang kajian yang berkaitan dengan konsep penyelesaian atau pengurusan profesi kerja sosial gerontologi. Persediaan dalam kalangan pelajar terhadap profesion kerja sosial sosial gerontologi juga amat perlahan dan kurang diberi pendedahan. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan situasi ini berlaku iaitu bilangan fakulti yang menawarkan kursus gerontologi tidak mencukupi di fakulti sains sosial dalam dan luar negara (Damron-Rodriguez & Lubben, 1997), kurangnya minat pelajar terhadap bidang gerontologi (Berenbaum, 2000; Kane, 1999; Mosher-Ashley, 2000; Paton, Sar, Barber, & Holland, 2001) dan

halangan dari aspek kurikulum (Lubben, Damron-Rodriguez, & Beck, 1992). Tambahan lagi, minat pelajar kerja sosial untuk bekerja dengan kumpulan sasaran daripada warga emas adalah kurang berbanding klien daripada kumpulan sasaran yang lain. Perbandingan yang dilakukan mengikut praktis menunjukkan kerja sosial gerontologi berada pada kedudukan yang kelima daripada lima bidang berbanding dengan praktis lain seperti kesihatan mental, kebajikan kanak-kanak, kesihatan, dan perkhidmatan kerja sosial dalam keluarga (Scharlach et al. 2000).

Di Malaysia masih kurang kajian yang melibatkan isu penjagaan warga emas secara profesional di IPTA atau IPTS melibatkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Kebanyakan kajian SKM berfokuskan kepada kemahiran teknikal, kejuruteraan, perhotelan, kulinari dan sebagainya (Glover & Bilginsoy, 2005) bukan dalam bidang penjagaan komuniti seperti penjagaan awal kanak-kanak, orang kurang upaya atau warga emas. Azmi (2013) mendapati bahawa Sijil Kemahiran Tahap 3 boleh digunakan di peringkat universiti bagi meningkatkan lagi peluang kerjaya dengan menggunakan sijil kemahiran sedia yang ada. Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) adalah satu program khas bagi perantis menjalani latihan di tempat kerja yang sudah diwujudkan sejak tahun 2005. Hasilnya program ini telah berjaya dalam meningkatkan permintaan tenaga kerja mahir sejarar dengan kepesatan pembangunan negara. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merupakan salah satu universiti awam (UA) yang menyediakan program SLDN dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi menyiapkan pelajar kerja sosial di tahun akhir mengikuti latihan industri di Rumah Ehsan. Dengan kemasukan program tersebut, perantis dapat merasai pengalaman dan latihan sebenar kerana kaedah pembelajaran teori sahaja tidak mencukupi untuk pekerja sosial, malah proses pembelajaran perlu seiring dengan praktis dan kemahiran penyelesaian masalah melalui kerja tangan (*hands-on*)

### **1.1 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengaplikasian latihan vokasional penjagaan warga emas dalam kursus gerontologi kerja sosial FSSK, UKM dengan kerjasama Rumah Ehsan, Kuala Kubu Bharu. Kajian ini juga meneroka perubahan dan transformasi dalam kalangan perantis SLDN UKM dalam mengendalikan latihan industri dan proses pembelajaran di industri.

## **2. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan eksplorasi berpandukan rekabentuk kualitatif. Data kajian diperolehi daripada temubual separa berstruktur bagi meneroka persediaan perantis kerja sosial

UKM dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada warga emas di institusi. Pemilihan lokasi kajian merangkumi pusat jagaan warga emas (Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu, Selangor).

Pelajar yang telah berdaftar dalam program latihan industri SLDN UKM ini ialah seramai 44 orang perantis selama tiga tahun bermula pada tahun 2016 sehingga 2018. Walau bagaimanpun, kajian ini melibatkan perantis UKM daripada kohort kedua (2017) iaitu seramai 14 pelajar tetapi hanya 9 pelajar sahaja yang ingin terlibat dalam kajian ini. Manakala 5 pelajar kohort 2017 menarik diri daripada ditemubual. Kriteria pemilihan sampel kajian adalah terdiri daripada perantis UKM menjalani latihan industri melalui Sijil Kemahiran Malaysia tahap 3 (Operasi Penjagaan Warga Emas Institusi). Temubual yang dilakukan adalah berdasarkan kepada soalan protokol yang telah dibentuk. Soalan protokol ini dibentuk setelah meneliti dan merumuskan sorotan literatur. Responden turut dirangsang untuk menjawab secara lebih terperinci dan mendalam (probing). Pengkaji akan memaklumkan kepada responden bahawa rakaman suara akan dilakukan dan meminta persetujuan responden. Maklumat temubual direkodkan menggunakan perakam digital.

Analisis data menggunakan pendekatan tematik di mana tema-tema, sub tema diekstrak daripada transkrip verbatim diinterpretasi dan dipersembahkan dalam bentuk penulisan data. Dalam proses ini ia melibatkan penyusunan, maklumat daripada transkrip peribadi yang didapai daripada temubual, nota lapangan dan bahan-bahan yang lain yang membantu semasa kajian. Pengeksporasian data digunakan dalam mengenalpasti unit yang dianalisis bagi membuat perbandingan makna, perasaan serta tingkah laku dalam mengintegrasikan kod-kod yang diperoleh untuk ditukarkan secara eksklusif dalam *open coding*. *Axial coding* dibuat untuk mengelaskan data yang diperolehi mengikut kategori tertentu. Kod-kod yang diperolehi semasa proses *open coding* akan dilihat dari segi pemerhatian antara hubungan dengan kod. Seterusnya pengkaji akan membuat *selective coding* yang melibatkan proses pemilihan kategori teras dalam mengenalpasti tema utama dengan tema lain serta membuat perbandingan skema pengekodan untuk penambahbaikan (Ezzy 2002).

### **3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Kajian ini melibatkan 9 orang perantis Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang telah mendaftar pada kohort ke-2 pada tahun 2017. Kesemua mereka terdiri daripada pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta pernah mengikuti latihan industri di Rumah Ehsan Kuala Kubu Baru,

Selangor. Mereka telah bersetuju untuk menjadi responden kajian ini. Profil sembilan orang responden terdiri daripada perantis perempuan yang mempunyai latar belakang yang berbeza, dan berasal dari negeri yang berbeza. Kebanyakan responden yang ditemubual berumur antara 24 hingga 27 tahun. Kesemua perantis yang mengikuti latihan ilmiah adalah beragama Islam dan berbangsa Melayu.

Jadual 1: *Profil Responden melalui Kaedah Temubual*

Responden	Umur	Jantina	Bangsa & Agama	Zon Negeri	Nama Universiti
1	24	Perempuan	Melayu & Islam	Tengah	Alumni UKM
2	24	Perempuan	Melayu & Islam	Pantai Timur	Alumni UKM
3	24	Perempuan	Melayu & Islam	Selatan	Alumni UKM
4	24	Perempuan	Melayu & Islam	Selatan	Alumni UKM
5	26	Perempuan	Melayu & Islam	Tengah	Alumni UKM
6	27	Perempuan	Melayu & Islam	Pantai Timur	Alumni UKM
7	24	Perempuan	Melayu & Islam	Pantai Timur	Alumni UKM
8	23	Perempuan	Melayu & Islam	Selatan	Alumni UKM
9	26	Perempuan	Melayu & Islam	Pantai Timur	Alumni UKM

Berdasarkan kepada dapatan kajian, beberapa kategori persediaan pelajar telah dikenalpasti dalam kalangan perantis SLDN UKM bagi meneroka pengaplikasian latihan vokasional penjagaan warga emas dalam kursus gerontologi kerja sosial. Tema dan kategori tersebut telah dibuat pengekodan seperti berikut:

Jadual 2: *Kesan Perantis Terhadap Warga Emas*

Tema	Kategori	Maklumbalas Perantis
Takrif warga emas institusi bagi perantis	Aspek psikologi	Berpenyakit nyayuk, lupa, sunyi, murung dan mudah berubah emosi/mood, suka memaki hamun
	Aspek fizikal	Penglihatan kabur, sakit, kulit berkedut, kurang pendengaran
	Aspek sosial	Kebanyakan warga emas ditinggal oleh anak-anak, dibuang oleh keluarga dan sakit terlantar.
Pembinaan rapo dengan warga emas institusi	Pengurusan masa	Mengambil masa sebulan bagi membuat hubungan dan mendapatkan kepercayaan warga emas.
	Jurang komunikasi	Penggunaan panggilan datuk atau nenek memudahkan perantis menjalin hubungan komunikasi dengan warga emas.
Pengalaman bersama warga emas di institusi	Berdikari	Warga emas tidak gemar bergantung harap kepada perantis. Mereka menuap makanan sendiri walaupun kurang upaya.
	Tahap pengetahuan teori	Perantis merasakan pengetahuan teori dalam kuliah tidak cukup untuk menjalankan praktis di institusi.

Tahap kompetensi praktis	Kebanyakan perantis tidak mempunyai pengalaman menjaga warga emas dalam kitaran hidup mereka
Tahap emosi perantis	Perasaan gementar, takut dan serba tidak tahu apabila berhadapan dengan warga emas yang sakit terlantar.
Tahap pengurusan emosi warga emas di institusi	Kesukaran melayan emosi warga emas kerana perubahan yang cepat; kematian penghuni memberi impak kepada penghuni lain; kesukaran memujuk warga emas untuk makan; mandi atau beridah.

Dari segi takrifan umur, pengkaji merumuskan bahawa kesemua 9 orang responden memahami dan mengetahui takrifan umur warga emas. Manakala bagi responden 2, 3, 4, 5, 6, 7 mereka telah memberi takrif umur dari segi perubahan psikologikal. Mereka memberi maksud bahawa kebanyakan daripada warga emas yang berada didalam pusat jagaan mempunyai mempunyai penyakit kemurungan, nyanyuk dan terlupa. Mereka sering mengulangi ayat yang sama dalam pertuturan sehari-hari mereka. Manakala ada satu ketika warga emas ini suka berubah emosi (*moody*). Mereka lebih suka memaki dan memarahi perantis tidak kira tempat dan waktu. Dari segi perubahan fizikal, kesemua responden memberi takrifan yang sama dengan mengatakan bahawa kebanyakan daripada warga emas yang berusia 60 tahun ke atas mengalami kedutan kulit dan sakit tua. Terdapat juga warga emas yang tidak dapat mendengar dengan jelas serta penglihatan mereka sudah kabur. Manakala dari segi perubahan sosial pula, responden 2, 3, 4, 5, 6, 9 menyatakan bahawa kebanyakan warga emas yang tinggal di Rumah Ehsan ditinggalkan oleh anak-anak mereka. Ada juga daripada mereka dibuang oleh keluarga dan sakit terlantar.

Kebanyakan perantis menyatakan mereka dapat membina hubungan dengan warga emas dengan baik dalam masa seminggu. Ada sesetengah perantis menyatakan mereka mengambil masa sebulan untuk membina hubungan repo bagi menjalankan tugas penjagaan warga emas dengan perantis. Berdasarkan pada hasil kajian di atas, dirumuskan bahawa apabila pelajar kerap berhubungan dengan warga emas, mereka lebih senang untuk diterima. Kebanyakan daripada perantis tidak mengetahui bagaimana untuk membina hubungan repo dengan warga emas kerana mereka tidak mempunyai pengalaman dan ia menyebabkan jurang antara komunikasi serta perhubungan repo bersama warga emas. Dapatkan ini selari dengan kajian yang dibuat oleh (Given & Given, 1992-2002) yang menunjukkan kebanyakan mereka tidak pasti dalam peranan yang dimainkan oleh penjaga dalam menjaga pesakit. Jurang dapat

diatasi setelah seminggu perantis menjalani latihan perkhidmatan dalam penjagaan warga emas. Manakala ada juga sesetengah perantis mengambil masa sebulan untuk menyesuaikan diri dengan warga emas. Perantis juga mengatakan bahawa sikap keterbukaan dalam menerima perantis juga adalah salah satu faktor jurang bersama warga emas berlaku. Dengan adanya bantuan oleh penyelia, perantis turut belajar memerhati serta mendapat tunjuk ajar dalam menguruskan warga emas dengan sempurna.

Terdapat pelbagai keranah dan pengalaman yang dihadapi oleh kesemua perantis di Rumah Ehsan selama empat bulan. Jelas bahawa menjaga warga emas memerlukan kesabaran yang tinggi dan perlu bersiap sedia menghadapi cabaran yang sukar untuk melayani kehendak mereka. Pada permulaannya, perantis mungkin tidak dapat menerima hal ini kerana mereka tidak mempunyai pengalaman tapi lama kelamaan mereka sudah boleh mengadaptasi dengan mudah dalam perkhidmatan penjagaan warga emas. Perantis juga memainkan peranan dalam dalam memberikan sokongan sosial dan emosi terhadap warga emas bagi menemani warga emas yang kesunyian. Kasih sayang dan bantuan yang dicurahkan oleh perantis akan memudahkan warga emas untuk menerima mereka dengan terbuka walaupun agak sukar pada permulaannya. Perantis sendiri yang berusaha memainkan peranan mereka untuk memulakan dengan warga emas dan menjadikan hubungan perantis dan warga emas semakin rapat. Umum mengetahui bahawa teori juga merupakan asas panduan dalam pelajaran untuk kita mempraktikkan dalam praktis sebenar. Dalam pada itu, teori sahaja tidak mencukupi untuk kita mengetahui keadaan dan situasi sebenar tetapi dengan adanya praktikal serta latihan sebenar di tempat kerja ia menjadikan satu pengalaman yang boleh dirasai selari dengan teori, terutama dalam proses pengajian di Universiti berlangsung akan meningkatkan kompetensi dan profesionalisme dalam menjalankan praktis kerja sosial gerontologi. Sekiranya diberikan kesempatan dalam menjaga warga emas untuk masa akan datang, kebanyakan perantis menunjukkan rasa minat mereka untuk meneruskan dalam bidang penjagaan warga emas. Dengan adanya pengiktirafan sijil, kemahiran yang ada serta pengalaman membolehkan perantis menjaga warga emas secara profesional dalam memastikan kualiti hidup warga emas di institusi dan komuniti lebih terjamin.

#### **4. KESIMPULAN**

Sepanjang proses penjagaan warga emas yang menghidap penyakit kronik, perantis berhadapan dengan pelbagai keranah warga emas yang ada kalanya akan bersikap seperti keanak-anakkan. Sebagai contoh, warga emas akan mudah marah jika pemintaan mereka lambat dipenuhi, melempar barang dan suka memaki orang. Hal ini memberi cabaran kepada

perantis itu sendiri dalam usaha memberi penjagaan yang terbaik kepada pesakit warga emas kronik. Hal ini penting untuk mereka mempersiapkan diri perantis dengan daya tahan mental dan fizikal sepanjang proses penjagaan berlangsung kerana tidak semudah itu untuk menghadapi cabaran ini. Peningkatan pusat jagaan warga emas turut menyebabkan perlunya ada penjaga profesional dalam memberikan perkhidmatan kepada warga emas.

Justeru itu, dengan adanya pengkhususan latihan dan kemahiran di industri, pekerja sosial dapat meningkatkan produktiviti kerjaya di institusi kebajikan dan komuniti. Dengan kemasukan program SLDN UKM, perantis dapat merasai pengalaman dan latihan sebenar kerana kaedah pembelajaran teori tidak mencukupi untuk menjadi seorang pekerja sosial. Dengan adanya pengkhususan seperti itu, perantis dapat mempersiapkan diri dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penjagaan warga emas. Apabila persediaan diri yang baik dilakukan oleh pekerja sosial gerontologi, mereka mampu menjalankan tugas pekerja sosial yang baik. Proses kemahiran akan menolong mereka mengikut peraturan serta aliran yang betul tanpa meninggalkan aspek-aspek yang penting dalam pengendalian kes.

Dapatan kajian ini mencadangkan kolaborasi program SLDN melalui kursus citra UKM yang memperoleh SKM 3, 4 dan 5 dalam kursus penjagaan warga emas. Sijil SKM adalah nilai tambah kepada pelajar UKM untuk membuka peluang pekerjaan yang lebih luas. Bahkan dengan jaringan kerjasama UKM-KARIER dapat meningkatkan pembangunan kerjaya dan kebolehgajian Alumni UKM dalam bidang penjagaan warga emas diperingkat lokal dan global.

## RUJUKAN

Archbold, P.G., Stewart, B.J., & Miller, L.L. (1995). The PREP system of nursing interventions: A pilot test with families caring for older members. Preparedness (PR), enrichment (E) and predictability (P). *Research in Nursing and Health*, 18(1), 3–16.

Anita L., Zlotnik, J & Singer, T. (2003). Basic gerontological competence for all social workers: The need to “gerontologize” social work education. *Journal of Gerontological Social Work*, 39 (1-2): 25-36.

Azmi Abdul Malek (2013). SKM Tahap 3 boleh dibawa ke universiti. Sinar Harian. 2 Jan 2013

- Berenbaum, R. (2000). Motivating students in the helping professions to work with the aged. *Educational Gerontology*, 26(1): 83-96.
- Damron-Rodriguez, J., & Lubben, J. E. (1997). The 1995 WHCoA: An agenda for social work education and training. *Journal of Gerontological Social Work*, 27(3), 65-77.
- Ezzy, D. (2002). *Qualitative Analysis: Practice and innovative*. Crows Nest NSW: Allen and Unwin.
- Glover, R. W. & Cihan, B. (2005). Registered apprenticeship training in the U.S construction industry. *Education Training*, 47(4/5):337-349
- Given, C. W. & Given, B. (1999-2002). *Palliative care for patients with advanced cancer (grant project)*. East Lansing: Michigan state University in collaboration with Walther Cancer Institute.
- Jabatan Pembangunan Kemahiran (2012). NOSS. Dicapai pada 22 Oktober 2017, 2012 dari Kementerian Sumber Manusia: [http://www.dsdl.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=95&lang=bn](http://www.dsdl.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=95&lang=bn).
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2015). Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Putrajaya. [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/4\\_Portal%20Content/1\\_About%20us/7\\_AnnualReport/Laporan\\_Tahunan\\_2015\\_DOSM.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/4_Portal%20Content/1_About%20us/7_AnnualReport/Laporan_Tahunan_2015_DOSM.pdf)
- Kane, M. N. (1999). Factors affecting social work student's willingness to work with elders with Alzheimer's Disease. *Journal of Social Work Education*, 35(1): 71-85.
- Lubben, J. E., Damron-Rodriguez, J. & Beck, J. C. (1992). Anational survey of aging curriculum in schools of social work. *Journal of Gerontological Social Work*, 18 (3/4).
- Mosher-Ashley, R. R. (2000). Factors influencing college students to choose careers working with elderly persons. *Educational Gerontology*, 26(8): 725-736.

Nur Hanis Hazlan, Mardiah Abdull Rhaman & Khadijah Alavi. (2018). Cabaran perantis kerja sosial gerontologi dalam memberi perkhidmatan penjagaan pesakit warga emas kronik. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia*, 13

Paton, R. N., Sar, B. K., Barber, G. R. & Holland, B. E. (2001). Working with older persons: Student views and experiences. *Educational Gerontology*, 27(2):169-183.

Scharlach, A., Damron-Rodriguez, J., Robinson, B. & Feldman, R. (2000). Educating social workers for an aging society: A vision for the 21st century. *Journal of Social Work Education*, 36(3): 521-538.

Silver, H. J., Wellman, N. S., Galindo-Ciocon, D., & Johnson, P. (2004). Family caregivers of older adults on home enteral nutrition have multiple unmet task-related training needs and low overall preparedness for caregiving. *Journal of the American Dietetic Association*, 104(1), 43-50.

Sandaran, S. C. (2012). Service learning: Transforming students, communities and universities. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 66, 380-390.